



# **MAJLIS ASPIRASI EKONOMI PEKEBUN KECIL 2019**

## **UCAPAN**

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MUKHRIZ BIN TUN MAHATHIR  
MENTERI BESAR NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

PADANG AWAM, KAMPUNG LALANG, BALING

KEDAH DARUL AMAN

20 MAC 2019 (RABU)

10.30 PAGI

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Azmin Ali

Menteri Hal Ehwal Ekonomi

Yang Berhormat Datuk Dr. Ismail bin Salleh

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pembangunan Luar Bandar, Agama dan Syarikat Kerajaan

Negeri Kedah

Yang Berhormat Tuan Azman bin Nasrudin

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Sumber Tani, Bandar, Agama dan Industri Utama Negeri  
Kedah

Yang Berbahagia Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussen

Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

Yang Berhormat Dato' Ammar bin Dato' Shaikh Mahmood Naim

Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah

Yang Berbahagia Tuan Haji Rosely bin Kusip

Pengerusi RISDA

Yang Berbahagia Dato' Wan Ahmad Shabri Zainuddin bin Wan Mohamad

Ketua Pengarah RISDA

Ahli – Ahli Pihak Berkuasa RISDA

Ketua – Ketua Jabatan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Ketua-Ketua Agensi di bawah

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Daerah Kedah

Pemimpin-pemimpin tempatan serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan para pekebun kecil yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita berkumpul di Kampung Lalang, daerah Baling ini bagi menyempurnakan **“Majlis Aspirasi Ekonomi Pekebun Kecil RISDA Tahun 2019”** pada pagi ini.

2. Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi yang dikasihi kerana sudi mengadakan siri lawatan pertama beliau ke Negeri Kedah Darul Aman. Saya juga mengalu-alukan kehadiran kumpulan pengurusan Kementerian dan RISDA yang sentiasa mengambil perhatian hal ehwal masyarakat luar bandar. Tidak lupa juga kepada semua pekebun kecil yang hadir ke Daerah Baling ini. Selamat Datang saya ucapkan.

3. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada RISDA kerana menjemput saya ke satu Majlis yang begitu berfaedah kepada masyarakat pekebun kecil. Saya amat gembira kerana Majlis yang bersejarah ini dimeterai di Daerah Baling dan pastinya merupakan satu penghormatan untuk bersama memastikan pekebun kecil sentiasa dibantu dan dihargai sepanjang masa.

YB Dato' Seri dan hadirin sekalian,

4. Baling adalah sebuah daerah yang bersejarah, terkenal dengan keindahan dan kehijauan alam dan sentiasa menerima peningkatan pembangunan. Hampir kesemua kampung telah menerima keperluan asas seperti air, elektrik, jalan tar, klinik, sekolah dan jabatan kerajaan yang berhampiran. Manakala, penduduk di daerah Baling ini, sebahagian besarnya terlibat

dalam aktiviti pertanian dan perladangan getah. Saya difahamkan di Negeri Kedah sahaja RISDA menjaga seramai **73,642 orang pekebun kecil** yang mana keluasan penanaman getah meliputi **112,927.71 hektar**. Daripada 73,642 orang pekebun kecil, daerah Baling ini menduduki carta pekebun kecil yang paling ramai iaitu sekitar **19,085 orang**, diikuti daerah Padang Terap seramai 11,190 orang, daerah Sik seramai 11,021 orang pekebun kecil.

5. Dalam usaha untuk mencapai matlamat bagi meningkatkan sosio ekonomi pekebun kecil, saya pasti Kementerian dan RISDA telah dan akan menumpukan pelbagai program dan aktiviti untuk menentukan ianya benar-benar dapat memberi faedah kepada pekebun kecil. Justeru, saya mengharapkan agar pelbagai program peningkatan ekonomi dapat disediakan, oleh kerana majoriti penduduk Baling ini terlibat secara langsung dalam aktiviti perladangan getah. Mekanisme untuk menambah pendapatan selain daripada getah wajar dikaji seberapa segera



agar nasib pekebun kecil bukan sahaja di daerah Baling malahan seluruh Negara yang bergantung dengan komoditi ini dapat dibela dan seterusnya mampu menikmati kehidupan yang sejahtera.

6. Saya juga mengharapkan usaha – usaha jangka pendek dan jangka panjang dapat disusun semula memandangkan pekebun kecil tidak lagi boleh bergantung sepenuhnya kepada industri getah untuk menyara kehidupan. Situasi berikutan masalah kejatuhan harga, keadaan cuaca terutamanya musim hujan dan produktiviti getah yang rendah tidak memberi pulangan yang setimpal kepada pekebun kecil.

YB Dato' Seri dan hadirin sekalian,

7. Saya yakin dengan terbentuknya Kementerian Hal Ehwal Ekonomi yang disokong oleh kepakaran warganya serta dengan bangkitnya kerajaan baharu yang membela rakyat, masalah pekebun kecil yang sentiasa sensasi di media – media massa ketika ini dapat kita tangani dengan baik. Isu getah dan pekebun kecil harus disinari dengan harapan yang meyakinkan.

8. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan warganya di atas keprihatinan bersama dengan masyarakat pekebun kecil pada hari ini. Saya percaya, Yang Berhormat Dato' Seri, RISDA dan semua agensi di bawah Kementerian akan memberi perhatian yang mendalam bagi merungkai masalah pekebun kecil bukan sahaja di daerah Baling malahan di seluruh Negara. Saya memberi jaminan di sini bahawa Kerajaan Negeri Kedah akan sentiasa

memberi sokongan sepenuhnya untuk menjayakan pelbagai aktiviti pembangunan pekebun kecil di negeri ini.

**Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh**

**Terima kasih.**